

Hina Rosmah, 15 NGO buat laporan polis
Free Malaysia Today
7 April 2014
Oleh Zefry Dahalan

Laporan polis itu dibuat untuk menggesa pihak polis mengenakan tindakan tegas terhadap pemilik akaun Facebook tersebut.

SEREMBAN: 15 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membuat laporan polis di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seremban berhubung dengan tindakan seorang pengguna Facebook bernama Syed Saifullah yang dikatakan menghina isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Presiden Gerakan Memartabatkan Pejuang Negara (GMPN), Mejar (B) Razali Zakaria berkata laporan polis itu dibuat untuk menggesa pihak polis mengenakan tindakan tegas terhadap pemilik akaun Facebook tersebut.

“Facebook bernama Syed Saifullah menghina dan mengaibkan isteri Perdana Menteri dengan mengatakan pesawat yang dinaiki Datin Seri Rosmah terhempas dan meletakkan foto mayat berkecai.

“Ini merupakan hasutan untuk membenci pemimpin negara. Ia perlu dibendung agar pihak lain tidak menggunakan Facebook untuk memfitnah pemimpin negara.

“Kami menggesa polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyiasat dan mengambil tindakan keras dan mendakwa pemilik akaun Facebook tersebut.

“Tindakan tegas perlu diambil agar perkara seperti ini tidak berulang dan memberi pengajaran kepada masyarakat. Perbuatan ini memalukan rakyat Malaysia.

“Saya yakin seluruh rakyat negara ini marah dan kecewa dengan pihak yang menyebarkan fitnah menggunakan medium laman sosial,” kata Razali.

Razali berkata isu ini tidak boleh dipandang ringan kerana satu Malaysia mendapat malu.

Selain GMPN, antara NGO lain ialah Majlis Ayahanda Negeri Sembilan, Persatuan Silat Merongmahawangsa, Kelab Veteran Tentera, Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sembilan, Umno Cawangan Rasah Jaya, Umno Tampin, Persatuan Belia Gagah Malaysia, Pertiga, Pertubuhan Islam Gabungan Amal dan Al Ehsan.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/07/hina-rosmah-15-ngo-buat-laporan-polis/>